

Simpati insan mulia

■ Pelajar lanjut pengajian hasil dana umum daftar diri di UMP

HARIAN METRO (SETEMPAT) 31 OGOS 2015 M/S 20

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my
Kuantan

Saya berazam untuk membala jasa orang yang menghulurkan derma sehingga berpeluang meneruskan pengajian di peringkat ijazah," kata Nuraisyah Basri, 19, yang mendaftar sebagai pelajar baru di Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini, semalam.

Dia yang berasal dari Kampung Sungai Pau, Sik, Kedah berkata, tanpa sumbangan daripada orang ramai termasuk jiran, mustahil untuknya meneruskan pengajian di universiti awam itu.

Katanya, ini kerana keluarganya tidak berkemampuan berikutan bapanya, Basri Mohammad Zain, 50, hanya meraih pendapatan RM700 sebulan sebagai penoreh getah manakala ibunya, Pauziah Ahmad, 45, menjual nasi lemak bagi menambah pendapatan keluarga.

"Mujur ada jiran sekampung prihatin menyiaran berita saya mendapat tawaran ke UMP menerusi Facebook sambil memohon sumbangan. Ia menjadi titik permulaan untuk saya melangkah ke puncak menara gading."

"Hanya kejayaan saya dalam bidang akademik sahaja menjadi balasan kesucian hati penderma yang membantu saya dan keluarga," katanya.

Dia antara 2,274 pelajar baru mendaftar sebagai pelajar di UMP Kampus Pekan

FAKTA
Seramai 2,274 pelajar baru mendaftar sebagai pelajar di UMP Kampus Pekan dan Gambang, semalam

NURAISYAH (kanan) ditemani Pauziah mendaftar sebagai pelajar baru di UMP Kampus Pekan.




dan Gambang, di sini, semalam.

Nuraisyah yang sebelum ini mengikuti kursus matrikulasi di Kulim, Kedah berkata, dengan berbekalkan wang RM500, dia ditemani ibunya menaiki bas dari kampungnya ke UMP yang mengambil masa perjalanan selama tujuh jam.

"Saya ingin buktikan kepada keluarga kejayaan pasti diraih suatu hari nanti bagi membantu mengubah taraf hidup keluarga di samping memberi peluang pendidikan lebih baik untuk 11 adik-beradik lain."

"Hanya segulung ijazah dalam bidang kejuruteraan elektrik menjadi bukti keazaman saya," kata anak keempat itu.



DR DAING NASIR BERTEMU PELAJAR BARU UMP, SEMALAM.

Bagaimanapun, pelajar itu tidak mendedahkan jumlah wang diterima, tetapi mengakui banyak pihak tidak dikenali menghulurkan bantuan.

Naib Canselor UMP Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, pihaknya membantu meringankan masalah kewangan dihadapi Nuraisyah bagi memastikan pelajar itu dapat memberi

tumpuan kepada pengajian.

"Pelajar berkenaan layak menerima wang zakat, selain bantuan kebajikan lain. Kemudahan diberikan diharap dapat seyelesaikan masalah kewangannya."

"Saya bersympati dengan nasib Nuraisyah, dia pelajar yang pintar. Kebolehan dimiliki tidak seharusnya dibiarkan begitu sahaja," katanya.